

# KL minta dunia sekat Israel ancam al-Aqsa

BH- 14/2/2007

Abdullah utus bantahan bertulis kepada pemimpin PBB, EU

Oleh M Thillinadan

**B**ANGKOK: Malaysia sudah mengemukakan bantahan bertulis kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Kin-Moon dan semua anggota tetap Majlis Keselamatan PBB berhubung tindakan Israel menjalankan projek pembinaan laluan ke Masjid al-Aqsa di Baitulmaqdis.

Bantahan sama dihantar kepada semua ketua negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Setiausaha Agung Liga Arab dan Kesatuan Eropah (EU), supaya memberi tekanan terhadap Israel bagi menghentikan serta-merta projek itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang marah dengan sikap angkuh Israel mengepikan bantahan umat Islam, menyifatkan tindakan rejim Yahudi itu

**“**Kita mahu mereka menghentikan tindakan, jadi saya menulis surat kepada semua anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, setiausaha agungnya, ketua negara anggota OIC, selain EU dan Liga Arab”

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

sebagai tidak bertanggungjawab.

Abdullah yang juga Pengerusi OIC, berkata Israel sedar mengenai bantahan umat Islam tetapi terus membenarkan kerja penggalian untuk membina jejantas ke tempat suci itu.

"Mereka tahu tindakan sedemikian akan membawa kepada perasaan marah dan bantahan umat Islam di seluruh dunia.

Mereka tahu Baitulmaqdis adalah tanah suci orang Islam, juga bagi Kristian dan mereka sendiri, tetapi tidak mengendahkan langsung pandangan dunia, khususnya umat Islam.

"Kita mahu mereka menghentikan tindakan, jadi saya menulis surat kepada semua anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, setiausaha agungnya, ketua negara anggota OIC, selain EU dan Liga Arab," katanya kepada wartawan Malaysia di

sini, lewat malam kelmarin.

Abdullah yang berlepas pulang semalam selepas mengadakan lawatan tiga hari ke Thailand, mahu Majlis Keselamatan PBB mengambil tindakan segera bagi memberi tekanan terhadap Israel supaya menghentikan serta-merta projek itu.

"Saya yakin PBB ada kemampuan untuk membuat desakan. Kita harap tekanan itu menjadi kuat sehingga berhasil menghentikan tindakan Israel," katanya.

Mengikut laporan terbaru semalam, Israel terus menjalankan projek di kawasan itu walaupun menimbulkan ketegangan berikutan bantahan besar-besaran penduduk Palestin, selain dunia Islam.

Kerja penggalian yang dilakukan kira-kira 50 meter dari Haram Al-Sharif itu disifatkan Liga Arab sebagai serangan jenayah.